

Lindungi Si Kecil

Hadif dan keluarganya mengunjungi pusat beli-belah. Mereka ke sana untuk membeli kerusi keselamatan bayi.



Bapa Hadif membeli kerusi keselamatan bayi.
Ibu Hadif tidak perlu memegang  meriba
anak kecil mereka di dalam kereta.

Encik Husin meletakkan kerusi keselamatan bayi di tempat duduk belakang _____ keluar bersiar-siar. Kerusi keselamatan itu mempunyai tali pinggang mengikut saiz _____ bayi berasa selesa.



Anak kecil Encik Husin tidak menangis dalam perjalanan. Kerusi tersebut mempunyai penutup kepala melindungi anaknya daripada pancaran cahaya matahari.

Munshi Cilik

Kata hubung ialah kata yang menghubungkan dua ayat atau lebih.

Contoh: atau, supaya, sewaktu, ketika, untuk, kerana

Encik Husin memandu kereta dengan tenang. Anak kecilnya duduk dalam keadaan selesa terdapat pelapik kepala yang lembut pada kerusi tersebut.



Aktiviti

Menulis ayat menggunakan kata hubung.